

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID [KOTA TINGGI - BN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 41)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggantikan Program Rakan Muda dengan program-program yang lebih berkesan dari sudut penjenamaan semula dan pengisian program belia itu sendiri agar ianya memenuhi kehendak semasa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk menggantikan Program Rakan Muda dengan program lain. Program Rakan Muda telah diperkenalkan sejak tahun 1994 dan telah dilaksanakan dengan jayanya melibatkan golongan muda berusia 15 hingga 25 tahun di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, program dan pengisian Rakan Muda perlu diberi 'nafas baharu' dan diberi penambahbaikan. Di antara pendekatan baharu yang ditekankan adalah melalui pengisian program yang mampu menarik dan mampu membentuk sahsiah diri golongan muda. Pendekatan baharu Program Rakan Muda turut menggalakkan dan mengupayakan sumbangan golongan muda kepada bangsa dan negara untuk terus dikekalkan dan ditingkatkan. Di samping itu juga, generasi muda akan digerakkan dan diperkasa bagi merancang dan melaksanakan sendiri program mengikut kehendak dan kreativiti mereka yang dapat memberi impak positif kepada semua pihak. Pendekatan baharu bagi Program Rakan Muda adalah berteraskan kepada Lapan Gaya Hidup Rakan Muda sebagai platform utama pembangunan diri positif remaja.

Sekian, terima kasih.